

BAHAGIAN PELESENAN

SYARAT-SYARAT AM BAGI KELULUSAN LESEN DOBI / LAUNDRETTE

Bil	Perkara
1.	Dinding tempat membasuh / menjemur pakaian / kain hendaklah di pasang ' ubin ceramic'.
2.	Lantai hendaklah berkonkrit dan disudahi dengan bahan yang kuat seperti "epoxy", kaca, keluli, ubin dan sebagainya
3.	Semua kumbahan / air basuhan daripada premis hendaklah diolah (dirawat) sebelum disalurkan ke longkang awam.
4.	Memasang papan tanda "larangan merokok".
5.	Meletakkan dan menyimpan semua barang-barang / pakaian / kain di atas rak-rak dan kabinet / almari.
6.	Menyediakan tong-tong sampah ditempat kerja dan pusat tong sampah "bin chamber" yang diluluskan.
7.	Mengadakan peti ubat rawatan kecemasan yang lengkap dan sempurna.
8.	Sentiasa menjaga kebersihan premis dan kawasan persekitarannya.
9.	Tidak dibenarkan meletak sebarang benda di atas kaki lima, lorong, jalan, longkang serta menghalang tangga dan ruang laluan pekerja / pelanggan.
10.	Dilarang menghalang mana-mana laluan pekerja, tempat letak kenderaan, longkang, pintu masuk / keluar dan tangga serta kaki lima, lorong dan jalan.
11.	Memastikan semua mesin dan alat-alat yang digunakan adalah dalam keadaan baik dan selamat.
12.	Dilarang menggunakan mana-mana bilik / ruang dipremis untuk tempat tidur (penginapan) atau untuk makan dan sebagainya tanpa kebenaran MDKS.
13.	Dilarang menjalankan aktiviti atau pekerjaan lain dipremis tanpa lesen atau kebenaran MDKS.
14.	Premis hendaklah mempunyai bilik tandas lelaki dan perempuan yang berasingan serta kemudahan-kemudahan mencuci tangan seperti sinki dan besen yang sempurna dan mencukupi.
15.	Memastikan proses-proses pengeluaran barangan atau produk tiada bunyi bising, kacau ganggu kepada pekerja dan orang awam atau boleh mencemarkan alam sekitar.
16.	Semua premis termasuk kawasan sekitarnya hendaklah bebas daripada serangga dan rodensia / haiwan.
17.	Premis hendaklah mempunyai pengudaraan (ventilation) dan cahaya (lighting) yang sempurna dan mencukupi.
18.	Pekerja hendaklah memakai pakaian seragam menggunakan alat perlindungan yang sempurna / lengkap / bersih.